

AUDIT PEMERIKSAAN SEMULA (REVIEW AUDIT)

1. Ketua Seksyen Audit dan Pensijilan akan melantik 2 (dua) Pegawai Pemeriksa Veterinar bagi menjalankan audit pemeriksaan semula sekali setahun untuk memperbaharui sijil VHM atau apabila terdapat penambahan produk selepas dianugerahkan sijil VHM, perpindahan premis, perubahan teknologi pemprosesan dan pengeluaran serta perubahan pihak pengurusan.
2. Surat makluman mengenai tarikh dan tujuan audit dikeluarkan atas persetujuan pegawai audit dan pemohon.
3. Audit pemeriksaan semula dijalankan di premis pemohon yang merangkumi audit dokumen, QAP, GMP dan HACCP, dan audit lapangan.
4. Sekiranya terdapat ketidakakuran (CAR), tindakan pembedulan perlu dilakukan dalam tempoh yang dipersetujui.
5. Jika perlu, audit susulan akan dijalankan bagi mengesahkan semua tindakan pembedulan yang dilakukan oleh pemohon. Kegagalan mengambil tindakan pembedulan dalam tempoh 6 (enam) bulan dari tarikh CAR akan menyebabkan permohonan dibatal.
6. Pegawai Pemeriksa Veterinar menyediakan dan menyerahkan laporan kepada Pengarah Bahagian Diagnostik dan Kepastian Kualiti untuk pertimbangan.
7. Pemohon akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan.